

BH Selasa, 30 Januari 2018

M5.3



Husna Hawa (kanan) menunjukkan bahan EP Naturel yang membolehkan minyak masak digunakan berulang kali.



Beberapa pensyarah menunjukkan bahan pengawet EP Naturel dihasilkan daripada serbuk daun serai kayu.

INOVASI

Info

EP Naturel

- Membolehkan minyak masak digunakan sehingga 70 kali tanpa mengubah rasa, bau dan warna.
- Diperbuat daripada serbuk daun pokok serai kayu.
- Dapat mencegah penyakit kanser.

- Pensyarah mengambil masa enam tahun untuk EP Naturel selepas melalui pelbagai proses penyelidikan teliti.
- Dapat geran sebanyak RM91,000 daripada Kementerian Pendidikan Tinggi.



Pensyarah melakukan penyelidikan di makmal bagi menghasilkan bahan pengawet EP Naturel.

Rahsia minyak masak boleh diguna semula 70 kali

POLISAS hasilkan pengawet EP Naturel daripada serbuk daun serai kayu

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

Kuantan

Pensyarah Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) di sini berjaya membangunkan bahan pengawet, Eugenia Polyantha (EP) Naturel

daripada daun serai kayu yang antaranya membolehkan minyak masak digunakan berulang kali.

Penggunaan EP Naturel dihasilkan enam pensyarah dari Jabatan Teknologi Makanan (JTM) POLISAS yang dibetui Husna Hawa Mohd Hassan membolehkan minyak masak digunakan sehingga 70 kali tanpa mengubah rasa, bau dan warna.

Pensyarah lain yang turut terlibat menghasilkan EP Naturel ialah Nur Azila Maskam, Nik Hairiah Nik Mohamad Ravi, Nordalilah Wahab, Iman Abdullah dan Ikhtimal Hisham Abdul Halim.

Husna Hawa berkata, mereka mengambil masa enam tahun untuk menghasilkannya selepas melalui pelbagai proses penyelidikan teliti dan turut mendapat geran sebanyak RM91,000 daripada Kementerian Pendidikan



Selain kos murah, penggunaan EP Naturel juga dapat mencegah penyakit kanser disebabkan penggunaan minyak masak secara berulang kali, terutama dalam kalangan peniaga makanan di pasar malam.

Husna Hawa Mohd Hassan, Pensyarah Jabatan Teknologi Makanan (JTM) POLISAS

kan Tinggi.

Katanya, minyak masak pelbagai jenama berada di pasaran pada masa kini mengandungi campuran bahan kimia lain yang berperanan memastikannya dalam keadaan baik dan tahan lebih lama.

"Kadar penggunaan EP Naturel dalam minyak masak ialah 0.02 peratus bagi setiap satu kilogram minyak dan bahan pengawet dihasilkan daripada serbuk daun serai kayu itu sesuai dicampur dalam minyak kelapa sawit dan minyak kelapa.

Cegah kanser

"Selain kos murah, penggunaan EP Naturel juga dapat mencegah penyakit kanser disebabkan penggunaan minyak masak secara berulang kali, terutama dalam kalangan peniaga makanan di pasar malam," katanya ketika ditemui BH di sini.

Husna Hawa berkata, beberapa proses diperlukan bagi menghasilkan EP Naturel dan pokok serai kayu yang banyak tumbuh merata membolehkan produk tersebut dihasilkan tanpa memerlukan modal besar.

"Saya sedia berkongsi formula dengan pihak berminat mengkomersialkan EP Naturel. Ia mampu membusi pasaran dalam dan luar negara jika mendapat sokongan syarikat terkemuka.

Sementara itu, Nur Azila berkata, pendapatan masyarakat di kampung yang mengusahakan tanaman pokok serai kayu mampu ditingkatkan jika EP Naturel dapat dikomersialkan di pasaran.

"Sebagai pensyarah di POLISAS, menjadi kebanggaan sekiranya ada pihak sanggup mengkomersialkan hasil inovasi kami bagi kegunaan serta manfaat rakyat negara ini," katanya.

Mohd Rafi Mamat
amhmetro.com.my

Kemahiran

Penggunaan EP (Eugenia Polyantha) Naturel yang dihasilkan daripada serbuk daun pokok serai kayu membolehkan minyak masak digunakan berulang kali hingga 70 kali penggunaan tanpa mengubah rasa, bau dan warna.

Keistimewaan lain pada pokok itu menjadi bahan membantu mencegah penyakit kanser selain digunakan dalam menghasilkan kosmetik, serbuk teh dan campuran membuat biskut.

Pensyarah Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) Husna Hawa Mohd Hassan berkata, dia bersama lima pensyarah Jabatan Teknologi Makanan (JTM) mengambil masa lebih enam tahun menghasilkan EP Naturel yang juga sejenis bahan pengawet.

Beliau berkata, minyak masak pelbagai jenama yang berada di pasaran kini mengandungi campuran bahan kimia

berperanan memastikan produk itu berada dalam keadaan baik dan tahan lebih lama.

Katanya, kadar penggunaan EP Naturel dalam minyak masak adalah 0.02 peratus bagi setiap satu kilogram, serbuk daun pokok serai kayu sesuai dicampur dalam minyak kelapa sawit dan kelapa.

"Selain kos yang murah penggunaan EP Naturel



HUSNA Hawa menunjukkan bahan pengawet EP yang dihasilkan daripada serbuk daun pokok serai kayu.

BOLEH GUNA 70 KALI

■ EP Naturel membolehkan minyak masak digunakan berulang kali

FAKTA
Kadar penggunaan EP Naturel dalam minyak masak 0.02 peratus

juga dapat mencegah penyakit kanser disebabkan penggunaan minyak masak secara berulang terutama dalam kalangan peniaga makanan di pasar malam. "Sebagai contoh peniaga ayam goreng akan menggunakan minyak masak secara berulang, mereka hanya mementingkan keuntungan tanpa

mengambil kira kesan buruk kepada pengguna," katanya di sini, semalam.

Turut terbabit menghasilkan EP Naturel adalah Nor Azila Maskam, Nik Hairiah Nik Mohamad Ravi, Nordalillah Wahab, Iman Abdullah dan Ikmal Hisham Abdul Halim.

Husna Hawa berkata, beberapa proses diperlukan untuk menghasilkan EP Naturel dan pokok serai kayu yang banyak tumbuh liar membolehkan produk itu dikeluarkan tanpa memerlukan modal besar.

Katanya, pucuk serai kayu juga terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu di kampung apabila dijadikan ulam dan banyak khasiat terkandung pada tumbuhan hijau itu yang masih belum dibuat kajian makmal.

"Saya sedia berkongsi formula dengan pihak berminat untuk mengkomersialkan EP Naturel. Produk ini mampu menembusi pasaran dalam dan luar negara jika mendapat sokongan syarikat terkemuka," katanya.



PENSYARAH melakukan penyelidikan di makmal. PENSYARAH JTM POLISAS memilih daun pokok serai kayu.

Harian Metro,
28.1.18,
m/s: 44



Harian Metro, 17 Mac 2018, m/s: 47

Tiga pelajar hasil mesin potong besi

Kuantan: Hanya bermodal RM200, tiga pelajar Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) di sini, berjaya menghasilkan mesin pemotong besi yang mampu meningkatkan produktiviti industri.

Dikenali sebagai *Portable Jig Grinder*, alat itu mampu memotong kepingan besi dengan mudah, lurus dan cepat serta sesuai digunakan di bengkel besi tanpa memerlukan kos tinggi.

Pelajar dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal yang menghasilkan inovasi itu adalah M Syamiel Shariman, Nurul Amirah Nor Azmi dan Ain Fatimah Fakri, dibantu penyelia, Mazlan Omar.

M Syamiel berkata, mereka mengambil masa enam bulan menghasilkan inovasi berkenaan bagi memastikan peralatan itu berfungsi dengan baik dan mencapai sasaran yang dijual pada harga murah.

"Ia terbahagi kepada beberapa komponen utama ia-



SYAMIEL (kanan) bersama Nurul Amirah (dua kanan), Ain Fatimah dan Mazlan (kiri) menunjukkan trofi selepas muncul juara.

itu pengisar, pengikat kepingan dan rangka besi yang diletakkan di atas meja bagi memberi keselesaan kepada penggunaannya.

"Kami menggunakan modal RM200 yang diperolehi untuk membeli pengisar pelbagai jenama selain menyediakan rangka besi dan

beberapa kelengkapan lain," katanya ditemui pada Program Inovasi, Pelancaran Produk Baharu dan Keusahawanan (INNOPLEN) 2018 di sini, semalam.

Program itu dirasmikan Pengarah Bahagian Dasar Jabatan Pendidikan Politeknik, Dr Mohd Rashahidi Mo-

hamood.

Turut hadir, Pengarah POLISAS, Norhida Abd Razak.

M Syamiel berkata, beliau yakin inovasi berkenaan adalah yang pertama direka di negara ini khusus untuk kegunaan industri kecil dan sederhana, terutama usahawan menghasilkan peralatan besi seperti pintu pagar.

"Ia mampu dikendalikan wanita kerana hanya memerlukan sebelah tangan untuk memotong kepingan besi.

"Kami sedia berkongsi dengan syarikat yang berminat memasarkannya di pasaran tempatan dan luar negara. Ia diyakini mampu diterima baik masyarakat, jika ada promosi berterusan," katanya.

Sementara itu, Norhida berkata, INNOPLEN 2018 dapat mencungkil bakat inovasi dalam kalangan pelajar tahun akhir, selain memperkasakan elemen kreativiti dan keusahawanan.

Utusan Malaysia, 7 Februari 2018, m/s: 26



SEBAHAGIAN daripada wakil Polisas yang mengharumkan nama politeknik tersebut bergambar selepas apabila memenangi empat anugerah utama dalam Kongres Duta Jauhar 4.0 di Stadium Tertutup Pasir Gudang, Johor Bahru, Johor, baru-baru ini.

Polisas rangkul empat anugerah

Oleh MOHD. SHARIZA ABDULLAH
utusanrktu@utusan.com.my

■ Kuantan 6 Feb.

PROJEK Akuaponik yang dilaksanakan di Kampung Bumbun, Segamat di Johor oleh pasukan Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (Polisas) di sini mendapat pengiktirafan apabila menang besar dalam Kongres Duta Jauhar 4.0 di Stadium Tertutup Pasir Gudang, Johor, kelmarin.

Pasukan Duta Jauhar Polisas berjaya meraih Anugerah Emas, Anugerah Inovasi Harapan, Anugerah Komuniti Terbaik dan Anugerah Penyelia Harapan pada majlis itu yang disempurnakan oleh Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin.

Kejayaan berkenaan lebih bermakna apabila dua lagi kumpulan dari Polisas dipilih ke Pertandingan Duta Jauhar Grand Finale yang bermula bulan depan.

Pengarah Polisas, Norlida Abd. Razak berkata, kejayaan itu membanggakan kerana Polisas satu-satunya politeknik yang terpilih dan berjaya ke peringkat Grand Finale 4.0.

"Diharapkan penyertaan dalam program seperti ini membantu memupuk nilai-nilai seorang pemimpin dalam diri penuntut seperti profesionalisme, berkeyakinan, berketerampilan dan semangat untuk berbakti kepada masyarakat.

"Semoga konsep keusahawanan sosial yang cuba diterapkan dapat memberi manfaat sepenuhnya kepada komuniti

yang terlibat," katanya di sini hari ini.

Menurut Norlida, kejayaan berkenaan lebih bermakna apabila hasil usaha penuntut Polisas selama empat bulan membantu meningkatkan sosioekonomi pendapatan penduduk Kampung Bumbun memberi impak positif dan bermanfaat kepada masyarakat setempat.

Katanya, projek berteraskan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) itu yang memfokuskan ke arah keusahawanan sosial mendapat sambutan baik dan sokongan tinggi dalam kalangan masyarakat setempat.

"Antara aktiviti yang dilaksanakan di kampung tersebut ialah teknologi akuaponik, mural dan perkongsian idea pengurusan sisa pepejal di rumah," katanya.